(3)



**2..8 KERTAS KERJA BIL. 65/97 - CADANGAN PENAWARAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN)[BAcct (BIS)(Hons)]**

Mesyuarat

i. mengambil ingatan

(a) tentang kertas yang disediakan memohon pertimbangan dan kelulusan Senat untuk menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat Perniagaaan dengan Kepujian) [BAcct (BIS)(Hons)];

(b) bahawa mesyuarat Khas Lembaga Sekolah Perakaunan Bil. 1/97 pada 17 Mac 1997 telah meneliti kertas cadangan ini dan bersetuju mengemukakan kepada mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik (JKPA) untuk pertimbangan;

(c) bahawa kertas cadangan tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat JKPA yang ke-53 Bil. 5/97 pada 5 Mei 1997 dan telah bersetuju supaya ianya dikemukakan kepada Senat untuk pertimbangan dan kelulusan;

(d) bahawa justifikasi penawaran program ini ialah untuk:

1. Menyediakan akauntan yang dapat berfungsi sebagai pengurus maklumat melalui penggabungan bidang perakaunan dan sistem maklumat perniagaan.

2. Menyediakan tenaga mahir yang mempunyai daya saing selari dengan kehendak dan keperluan semasa.

(e) bahawa struktur program berkenaan adalah seperti pada lampiran yang disertakan bersama kertas kerja;

(f) bahawa jumlah kredit yang ditetapkan untuk tujuan pengijazahan adalah 120 kredit;

(g) tentang keanggotaan Lembaga Pengajian Program seperti yang dibentangkan;

(h) bahawa cadangan penawaran program ini telah dibincangkan dengan beberapa pihak seperti Persatuan Akauntan Malaysia (MIA), PETRONAS dan TELEKOM;



CHAIRMAN'S INITIALS

(i) bahawa perbezaan utama di antara program BAcct (BIS) (Hons) yang dibentangkan dengan program BAcct (Hons) yang sedia ada adalah dari segi pengguguran beberapa kursus perakaunan;

(j) tentang cadangan supaya SPK mengemukakan satu lagi program yang baru dengan memasukkan semula kursus-kursus yang digugurkan di dalam program BAcct (BIS) (Hons);

(k) bahawa pelajar boleh membuat pilihan salah satu dari tiga (3) program yang akan ditawarkan oleh SPK;

(l) bahawa program baru yang akan dikemukakan oleh SPK seperti di i(j) di atas akan mengambil masa lebih daripada tiga (3) tahun.

ii. bersetuju

(a) supaya SPK membentangkan kertas cadangan penawaran program seperti pada i(j) di atas dalam mesyuarat Senat akan datang; — Dekan SPK

(b) meluluskan penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat Perniagaan) dengan Kepujian seperti yang dibentangkan; — Dekan SPK

(c) dengan cadangan keanggotaan Lembaga Pengajian Program seperti berikut: — Dekan SPK

Y.Bhg. Dato' Naib Canselor - Pengerusi

Yang Berusaha Timbalan Naib Canselor (Akademik)

Akauntan Negara atau Wakil

Dekan Sekolah Teknologi Maklumat atau Wakil

Presiden Malaysian Institute of Accountants (MIA) atau Wakil

Pengerusi Malaysian Council for Computers-in-Education (MCCE) atau Wakil

Ketua Pengarah Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) atau Wakil

Ketua Pengarah Institut System Micro Elektronic Malaysia (MIMOS) atau Wakil



CHAIRMAN'S INITIALS

SENAT 126
TINDAKAN/PERHATIAN

Wakil Multimedia Development Corporation (MDC)

Wakil Petronas

Wakil DRB-Hicom

Yang Berusaha Tuan Hj Ahmad Kamal Abdullah Al-Yafii (Profesor Adjung SPK)

Yang Berbahagia Datin Hajjah Fadzillah Hj. Saad (Profesor Adjung SPK)

Dr. Abdul Barri Mohd Mokhtar (UKM)

Encik Ali Tan Sri Kadir (Pengerusi Eksekutif, Ernst & Young)

Wakil dari Anderson Consulting

Encik Arwind Agarwalla (Presiden FACT Software International Ptd Ltd)

Dekan Sekolah Perakaunan - Setiausaha

(d) supaya laporan mesyuarat Lembaga Pengajian Program dibentangkan di mesyuarat Senat sebelum dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan untuk kelulusan. — Dekan SPK

## 3.0 PERKARA-PERKARA UNTUK MAKLUMAN SENAT

### 3.1 KERTAS KERJA BIL. 66/97 - MINIT MESYUARAT LEMBAGA SEKOLAH BAHASA DAN PEMIKIRAN SAINTIFIK YANG KE-60 BIL. 2/97

Mesyuarat

i. mengambil ingatan tentang minit mesyuarat Lembaga Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik (SBPS) yang Ke-60 Bil. 2/97 yang mesyuaratnya telah diadakan pada 26 Mac 1997.

ii. bersetuju menerima minit mesyuarat Lembaga SBPS yang ke-60 Bil. 2/97 seperti yang dibentangkan. — Dekan SBPS

| HELD AT | ON | TIME |
|---|---|---|
| | | |

SENAT 132
TINDAKAN/PERHATIAN

3.4 **KERTAS KERJA BIL. 165/97 - MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA PERAKAUNAN (SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN) DENGAN KEPUJIAN [BAcct. (BIS)(Hons)]**

Mesyuarat

i. mengambil ingatan

(a) tentang minit mesyuarat Lembaga Pengajian Program Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat Perniagaan) Dengan Kepujian [BAcct. (Bis)(Hons)];

(c) bahawa cadangan penawaran program berkenaan telah diluluskan oleh Senat dalam mesyuaratnya yang Ke-126 Bil. 5/97 pada 18 Mei 1997;

(d) bahawa mesyuarat Lembaga Pengajian Program telah diadakan pada 18 November 1997 di Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur;

(e) tentang pandangan Lembaga Pengajian Program seperti pada minit mesyuarat yang dilampirkan bersama kertas kerja.

ii. bersetuju menerima minit mesyuarat Lembaga Pengajian Program Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat Perniagaan) Dengan Kepujian [BAcct. (Bis)(Hons)] seperti yang dibentangkan. — Dekan SPK



CHAIRMAN'S INITIALS